

## **KUIS tingkat status huffaz dalam masyarakat**

**January 23,2017**

**OLEH HAFIZAN TAIB**

**(<https://selangorkini.my/2017/01/kuis-tingkat-status-huffaz-dalam-masyarakat/>)**

BANDAR SERI PUTRA, 23 JAN: Sistem pendidikan yang dipraktikkan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) akan melahirkan dan memartabatkan golongan huffaz pada status terbaik dalam masyarakat serta pembangunan sosial negara.

Rektornya, Prof Dato' Dr Ab Halim Tamuri berkata, pendekatan dilakukan itu mengubah persepsi sedia ada bahawa pelajar tahfiz adalah imam pada Ramadan dan pembaca al-Quran sekiranya berlaku kematian.

“Pendidikan KUIS meletakkan status mahasiswa tahfiz lebih tinggi sebagai kumpulan teras yang mampu mewarnai masyarakat daripada segi pentadbiran dan kepimpinan.

“Perkara ini dibuktikan di Turki apabila kita memartabatkan al-Quran, maka Allah SWT akan meningkatkan martabat kita di sisi manusia.

“Maka, usaha dilaksanakan Kerajaan Negeri adalah satu perkara yang patut diiktiraf,” katanya dalam Majlis Apresiasi Mahasiswa Tahfiz KUIS Bersama Kerajaan Negeri dan Pelancaran Fakulti Syariah Dan Undang-Undang KUIS, di sini, hari ini.

Turut hadir, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi yang mewakili Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, KUIS merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Dato' Menteri Besar, yang membantu menyempurnakan Tabung Pendidikan Tahfiz Wal Qiraat KUIS bagi menaja mahasiswanya bagi meruskan pengajian di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda.

“Usaha ini memberikan kesan sangat positif dengan peningkatan jumlah pelajar baru yang sangat menggalakkan iaitu jumlah terkini 536 orang.

“Keyakinan tinggi kepada KUIS dalam mendidik generasi muda menjadi insan terbaik buat ummah adalah amanah yang sentiasa dijunjung,” katanya.

Bagi memperkasakan generasi berilmu di Selangor, katanya, KUIS menggalakkan dan memberi peluang kepada masyarakat untuk melanjutkan pegajian di peringkat lebih tinggi dan Kerajaan Negeri membuktikan komitmen dengan kelulusan peruntukan RM8 juta bagi peningkatan taraf fasiliti kolej berkenaan serta kemudahan pengajaran juga pembelajaran.

“Pelancaran Fakulti Syariah dan Undang-Undang yang bertaraf jabatan sebelumnya akan menjadi fakulti teras dalam melahirkan lebih ramai profesional bagi bidang perundangan Islam,” katanya.